

TARIKH : 18.12.2019
MEDIA : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14

Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji (TH) menjangkakan pembayaran hibah (dividen) lebih tinggi bagi tahun kewangan 2019, kata Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Nik Mohd Hasyudeen Yusoff.

Beliau berkata, pencapaian prestasi kewangan TH amat positif pada suku ketiga tahun ini, malah berada pada landasan yang betul.

"Kalau tengok setakat September baru-baru ini Alhamdulillah pencapaian TH (berada) di dalam trek yang betul, jadi kita tunggulah.

"Tahun ini masih berbaki dua minggu lagi. Insya-Allah pembayaran hibah akan lebih baik daripada 2018," katanya selepas majlis penyerahan sumbangan kenderaan dwifungsi kepada wakil masjid terpilih seluruh negara di sini, semalam.

Bagi tahun kewangan 2018, TH mengagihkan hibah sebanyak 1.25 peratus membabitkan RM913 juta kepada semua pendepositnya.

Sehingga 30 November lalu, TH mempunyai 8.71 juta pendeposit termasuk 87,000 akaun simpanan baharu.

TH jangka bayar dividen lebih tinggi



Tahun ini masih berbaki dua minggu lagi. Insya-Allah pembayaran hibah akan lebih baik daripada 2018"

Nik Mohd Hasyudeen

Menurut rekod, prestasi suku ketiga TH adalah baik dengan jumlah aset terus mengatasi tanggungan RM2.3 bilion, lebih tinggi berbanding RM1 bilion pada 2018 manakala keuntungan bersih RM500 juta pada suku ketiga 2019, meningkatkan keuntungan untuk tempoh sembilan bulan pertama kepada RM1.3 bilion.

Mengenai sumbangan kenderaan dwifungsi, Nik Mohd Hasyudeen berkata, TH merancang memperluaskan sumbangan seumpama itu ke Sabah dan Sarawak bermula tahun depan.

Sebanyak 25 kenderaan dwifungsi bernilai RM3 juta disumbangkan menerusi program Mobiliti TH untuk dimanfaatkan ahli kariah bagi tujuan urusan pengebumian dan pengangkutan.